

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II
SESI 2011/2012**

NAMA KURSUS : ASAS PENGURUSAN DATA
KOD KURSUS : BBR 23303
KURSUS : SARJANA MUDA PENDIDIKAN
(SEKOLAH RENDAH) DENGAN
KEPUJIAN
TARIKH PEPERIKSAAN : JUN 2012
JANGKA MASA : 3 JAM
ARAHAN : JAWAB SEMUA SOALAN

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI LIMA (5) MUKA SURAT

SULIT

S1 (a) Nyatakan sama ada pembolehubah di bawah ini berjenis kuantitatif (berangka) atau kualitatif (kategori);

- (i) Harga rumah di Malaysia.
- (ii) Tinggi pelajar Sekolah Menengah Sultan Ismail.
- (iii) Kadar kematian penduduk di Bandar Y.
- (iv) Nama suratkhbar yang dijual di Malaysia.
- (v) Tahap kelayakan penjawat awam di UTHM.

(5 markah)

(b) Nyatakan jenis pembolehubah di bawah (kuantitatif diskrit/ kuantitatif selanjar/ kualitatif nominal/ kualitatif ordinal pangkat/ kualitatif ordinal tahap);

- (i) Harga ikan setiap hari dalam masa setahun (dalam RM).
- (ii) Bilangan ayam dijual dalam masa sebulan di kedai MSR.
- (iii) Jenis-jenis ikan di Malaysia.
- (iv) Tahap kepuasan pelanggan di pasaraya XYZ.
- (v) Tahap kebersihan di kawasan persekitaran UTHM.

(5 markah)

(c) **Jadual S1(c)** adalah jadual bagi bilangan pelajar yang mengambil PMR dan SPM pada tahun 2011 mengikut etnik.

Jadual S1(c): Jadual Bilangan Pelajar yang Mengambil PMR dan SPM pada tahun 2011 Mengikut Etnik

Etnik Pelajar	Bilangan Pelajar	
	PMR	SPM
Melayu	80	90
Cina	40	40
India	20	40

Bina carta palang berganda bagi menggambarkan keadaan di atas. Seterusnya nyatakan kesimpulan (dalam %) mengenai bilangan pelajar tertinggi dan terendah mengikut tahap PMR dan SPM mengikut etnik.

(10 markah)

- S2 (a) Jika diberi min berat pelajar bagi 10 orang pelajar adalah 72 kg. Cari nilai x jika data berat bagi 10 orang pelajar adalah seperti berikut;

60, 66, 67, 78, 72, 70, 77, 83, x , 61

(5 markah)

- (b) **Jadual S2(b)** adalah jadual bagi bilangan pelajar yang mendapat PNGK 1.51 hingga 4.00 bagi pelajar PPG semester 3 yang menuntut di UTHM.

Jadual S2(b): Jadual Bilangan Pelajar yang Mendapat PNGK 1.51 hingga 4.00 bagi pelajar PPG semester 3

PNGK Pelajar	Bilangan Pelajar Seksyen 1	Bilangan Pelajar Seksyen 2
1.50 – 1.99	1	0
2.00 – 2.49	3	2
2.50 – 2.99	8	8
3.00 – 3.49	28	31
3.50 – 4.00	20	15

- (i) Bina graf histogram dan poligon kekerapan bagi menggambarkan taburan data PNGK pelajar PPG bagi seksyen 1 dan 2.
- (ii) Dapatkan nilai min PNGK pelajar PPG tersebut bagi seksyen 1 dan 2.
- (iii) Seterusnya nyatakan kesimpulan mengenai seksyen yang mempunyai nilai PNGK yang lebih tinggi.

(15 markah)

- S3 (a) (i) Nyatakan lima ciri asas yang terdapat di dalam penaakulan statistik.
- (ii) Sila jelaskan lima ciri penaakulan statistik yang diperlukan di dalam menganalisis sesuatu data statistik .

(12 markah)

- (b) Nyatakan empat jenis persampelan dan huraikan setiap satu.

(8 markah)

- S4** (a) Nyatakan empat kesalahan atau salahfaham di dalam pembelajaran statistik yang dihadapi oleh pelajar sekolah rendah di Malaysia.
(8 markah)
- (b) Berpandukan kepada soalan 4(a) di atas, nyatakan punca kesalahan atau salahfaham di dalam pembelajaran statistik yang dihadapi oleh pelajar sekolah rendah di Malaysia.
(8 markah)
- (c) Apakah yang perlu dilakukan oleh guru bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi dalam soalan 4(b) di atas.
(8 markah)
- S5** (a) Nyatakan komponen pembelajaran geometri menurut pandangan Van Hiele, Hoffer dan Piaget & Inhelder.
(8 markah)
- (b) Seterusnya kaitkan dan huraikan komponen pembelajaran geometri dalam soalan S5(a) dengan pembelajaran statistik di sekolah rendah dan sekolah menengah di Malaysia.
(12 markah)

Formula**Formula**

$$Min = \frac{\sum x}{n} \quad (\text{Data Tak Berkumpul}),$$

$$Min = \frac{\sum fx}{\sum f} \quad (\text{Data Berkumpul})$$